

19/04/2003

Suara Dari Dinding Dewan muatkan 60 karya dua abad

Salbiah Ani

BUKU terkini Sasterawan Negara (SN), Datuk A Samad Said, Suara Dari Dinding Dewan (SDDD), yang memuatkan 60 karya tokoh ini yang ditulis pada abad 20 dan 21, akan dilancarkan dan dipentaskan pada 21 dan 22 April ini.

Pelancaran SDDD akan berlangsung di Auditorium Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MTC), Jalan Ampang, pada 21 dan disusuli dengan pementasannya yang menggabungkan deklamasi dan lagu puisi.

"Saya berterima kasih kepada Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Wilayah Persekutuan (PKKWP) yang sudi bekerjasama dengan Kelab Teater Kota Kuala Lumpur (KTKKL) bagi melancarkan SDDD dan ia sesungguhnya mengharukan kerana tidak pernah buku saya dilancarkan sedemikian rupa," katanya pada sidang akhbar di Kuala Lumpur, Selasa lalu.

Hadir sama pada sidang akhbar itu ialah Pengarah PKKWP, Zaiton Md Desa, Pengurus Program Pelancaran SDDD, Ladin Nuawi, Az Samad, salah seorang ahli Dalca Dua (turut dianggotai Hardeh Singh) dan May-E yang akan turut membuat persembahan pada malam terbabit.

Persembahan SDDD bersempena ulang tahun ke-68 SN Samad pada 9 April lalu turut menyaksikan persembahan lagu puisi oleh KTKKL pimpinan Mahathir Hussin, Taigar Aman Nayan, Yahya Mohd Ramli dan Ahmad Tarmimi Siregar.

Samad berkata, sebahagian besar karyanya dalam SDDD memuatkan masalah pada kedua-dua abad termasuk perjuangan menegakkan bahasa Melayu yang menjadi hangat semula pada 1995 dan bergolak semula tahun lalu.

"Tidak ketinggalan ia turut memuatkan hal seni yang merangsang saya termasuk awal dekad 90-an dan abad ke-20 apabila saya memulakan tindakan bantahan terhadap elit seni melalui mogok seni bukan dengan tujuan bertengkar secara buta tetapi menyedarkan mereka.

"Terkadang-kadang seniman diambil begitu saja sedangkan mereka menyerah diri untuk membantu. Sekiranya tidak dibayar, mereka malu untuk meminta sehingga orang tua seperti saya tidak malu membuat bantahan," katanya.

Beliau mengingatkan semua pihak bahawa betapa bijaknya seseorang tetapi sekiranya tidak mempunyai sisipan seni maka kebijaksanaan mereka akan menjadi kebijaksanaan yang bodoh dan tidak bererti kepada orang seni sepertinya.

"Dalam suasana yang marah saya masih dapat berdamai kerana mengingatkan anak-anak yang akan menggantikan saya. Bersempena sidang akhbar ini saya mendeklamasikan Cendehati Mogok Seni dan Dialog Antara Jamban Setinggalan Dua yang dipetik dari SDDD untuk dikongsi bersama," katanya.

Sementara itu, Zaiton selaku pengarah PKKWP berkata, pihaknya bekerjasama dengan KTKKL bagi menjayakan pelancaran SDDD kerana mahu menarik lebih ramai generasi muda untuk menghargai kegiatan

kesusasteraan
dan kesenian.

"Justeru pelajar yang ingin menyaksikan pementasan SDDD boleh mendapat tiket pada harga potongan RM5 seorang dengan syarat mereka membawa kad metrik masing-masing manakala orang dewasa pada harga RM10 seorang," katanya.

Tiket berkenaan dijual di pintu masuk pada hari persembahan manakala tempahan boleh dibuat dengan menghubungi Wan Sofie di talian 017-3082144, 017-3471157 atau PKKWP (03-21643933).

Buku SDDD pula boleh dibeli di tempat pelancaran atau pesan terus kepada Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd di No:1 & 3 Jalan 3/9A, Taman Shamelin Perkasa, Cheras, 56100, Kuala Lumpur atau hubungi talian 03-92856577 dan 03-92837309.